

03/08/2000

Skim khas tambah peruncit Bumiputera (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan hari ini melancarkan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper) bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera, terutama bekas tentera, dalam sektor perniagaan runcit.

Satu pasukan petugas, diketuai Penasihat Khas Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dibentuk, untuk mengintegrasikan dan menyelaraskan pelbagai aspek perniagaan bagi memudahkan pembabitian Bumiputera dalam bidang itu.

Aspek berkenaan ialah kemudahan premis, modal, pinjaman, peluang perniagaan, perakaunan dan pengurusan tunai, peserta yang berkelayakan, latihan serta koordinasi.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri hari ini menyebut, pasukan petugas itu sudah menubuhkan sebuah sekretariat sepenuh masa di Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) sebagai pusat sehenti.

Antara perniagaan runcit yang diberi tumpuan ialah kedai runcit, barang elektrik dan elektronik, farmasi, bidang makanan (termasuk bakeri), telekomunikasi/teknologi maklumat, kedai cenderamata, perabot, buku dan majalah, pembekalan peralatan pejabat dan alat tulis, kedai gambar/jam, kain dan pakaian, bahan binaan dan pembinaan, pengedar kereta/motosial serta bengkel baik pulih.

Menerusi Prosper, masalah premis yang menjadi penghalang utama peruncit Bumiputera di kawasan bandar tidak lagi menjadi isu.

Sebuah syarikat, TPPT Sdn Bhd (TPPT) yang dimiliki Bank Negara dan beberapa bank perdagangan, akan membeli hartanah itu dan menyewakannya kepada peniaga Bumiputera berasaskan konsep mampu bayar.

Pembelian hartanah oleh TPPT akan dibiayai menerusi terbitan bon dan pengsekuritan, manakala peniaga Bumiputera mempunyai pilihan untuk membeli hartanah itu daripada TPPT selepas beberapa tahun beroperasi.

Setakat ini, beberapa ruang niaga telah dikenal pasti dan panel penasihat sudah dibentuk untuk membantu mengenal pasti ruang niaga serta unit peruncitan yang berdaya maju di seluruh negara.

Masalah kemudahan modal pula akan diatasi menerusi mekanisme sokongan ekuiti daripada PUNB, yang dilakukan berlandaskan konsep perbankan Islam iaitu musyarakah mutanaqisah (perkongsiannya ke arah pengurangan pemilikan).

Kenyataan itu berkata, berdasarkan matlamat untuk memastikan kemudahan pinjaman tidak menjadi penghalang dalam projek ini, skim khas dirangka yang mana Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) akan memastikan kelulusan segera dan pengeluaran pinjaman berjalan lancar.

Melalui skim ini, yang dikenali sebagai Skim Jaminan Fleksi (SJF), jaminan akan diberi oleh CGC antara 30 hingga 100 peratus ke atas pinjaman.

Dengan itu, bank-bank boleh memutuskan mengenai jumlah risiko yang ingin ditanggung untuk pembiayaan itu. Semakin tinggi yang ditanggung institusi perbankan, semakin tinggi bahagian caj pembiayaan bagi bank berkenaan.

Dari segi peluang perniagaan, kenyataan itu menyebut aktivitinya meliputi perniagaan francais dan bukan francais.

Beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dengan wakil francais sudah diadakan untuk meneroka peluang francais berdaya maju bagi penyertaan Bumiputera.

Beberapa francaisor sudah bersetuju untuk memberi insentif khas bagi projek ini.

Sistem perakaunan dan aliran pengurusan tunai pula akan diuruskan oleh

PUNB pada peringkat awal, menerusi panel akauntan yang dilantik bagi membolehkan peniaga Bumiputera memberi lebih tumpuan kepada aspek perniagaan dan pemasaran.

Apabila perniagaan semakin maju dan mereka mendapat kepakaran dalam operasi perakaunan dan aliran tunai, mereka akan mengambil alih fungsi ini daripada PUNB.

Satu kajian kes penyertaan Bumiputera dalam sektor peruncitan sebelum ini mendedahkan sebab utama kegagalan ialah kekurangan kepakaran dalam perakaunan dan pengurusan aliran tunai.

"Prosper adalah terbuka kepada semua Bumiputera yang cenderung untuk membabitkan diri dalam sektor peruncitan dan sanggup bekerja sepenuh masa dalam perniagaan.

"Satu kumpulan sasaran sudah dikenal pasti untuk skim ini iaitu pesara tentera. Pesara tentera yang berpangkat pegawai sudah diberi taklimat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung peluang yang mereka boleh terokai dalam perniagaan runcit," katanya.

Kenyataan itu juga menyebut, Perhebat, anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sudah menyediakan latihan dalam pelbagai bidang untuk pesara lain-lain pangkat seperti fabrikasi besi, mekanik kereta, elektrik dan elektronik, fotografi, runcit, teknologi maklumat dan industri makanan.

Peserta yang sudah dilatih itu boleh diserapkan untuk penyertaan dalam Prosper dengan menggabungkan mereka bersama, mungkin dalam lingkungan tiga atau empat orang dan seterusnya mengambil satu ruang niaga bagi menyediakan perkhidmatan berdasarkan kemahiran sedia ada.

Peniaga Bumiputera yang sudah terbabit dalam sektor runcit tetapi ingin mengembangkan perniagaan, juga layak menyertai Prosper.

Peniaga yang sekarang ini menyewa premis dan berhasrat mendapat faedah daripada mekanisme sewa dan milik melalui skim ini juga layak.

"Di bawah Prosper, latihan akan disediakan kepada peniaga Bumiputera yang berkelayakan menerusi institusi perbankan dalam aspek kewangan, PUNB dalam aspek perniagaan dan pemasaran, Perhebat dalam aspek teknikal dan Persatuan Francais Malaysia dalam aspek francais berkaitan.

"Oleh itu, adalah penting semua pihak menyumbang ke arah menjayakan skim ini. Penyertaan cergas Bumiputera dalam sektor perniagaan runcit amat perlu, bukan saja dari sudut ekonomi, malah dalam konteks kestabilan sosio-politik negara untuk jangka masa panjang," katanya.

(END)